

KELUARAN
KHAS

PENDIDIKAN & LATIHAN

SEKOLAH SISWAZAH MUAMALAT USIM

Tawar 2 bentuk **program** lanjutanOleh Hamidah Badiran
hamidah@hmetro.com.my

Sekolah Siswazah Muamalat atau Graduate School of Muamalat (GSM) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), bernaung di bawah Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) menawarkan dua bentuk program iaitu dalam bentuk kerja kursus dan penyelidikan.

Antara program bentuk kerja kursus adalah Sarjana Muamalat (sedia ada dan diperkemas pengisian), Sarjana Muamalat (produk halal, sedia ada dan yang tunggal dalam negara), Sarjana Perbankan Islam (baru), Sarjana Kewangan Islam (baru) dan Sarjana Perakaunan dan Odit

FAKTA
Pelajar daripada pelbagai program sarjana muda dimestikan mengambil empat asas naqli



USIM pacu wawasan integrasi ilmu aqli, naqli.

Syariah (baru). Program bentuk penyelidikan pula termasuk Sarjana Ekonomi dan Muamalat Doktor Falsafah (PhD) yang boleh menjalan-

kan penyelidikan berbentuk falsafah dan penyelidikan gunaan.

Terdapat satu lagi keunikan program di atas.

Semua bakal pelajar yang

diterima datang daripada pelbagai program sarjana muda dan untuk menyeronokkan ilmu mereka, dimestikan mengambil empat asas naqli membabitkan

Asas Islam iaitu Tauhid, Usul Fiqh, Fiqh Muamalat dan Qawa'id Fiqhiyah.

Bagi kursus aqli pula adalah Asas Pengurusan merangkumi Pengurusan Organisasi, Prinsip Pengurusan Kewangan dan Ekonomi Islam.

Semua kursus teras perlu diambil sebagai persediaan sekiranya belum pernah diambil semasa menjalani program sarjana muda dan dikecualikan bagi yang sudah mengambilnya.

Pelajar perlu lulus dan keputusan kursus tidak dimasukkan dalam kiraan purata prestasi pelajar.

Selain itu, terdapat dua bentuk penyelidikan tahap kedoktoran untuk program ijazah kedoktoran yang dijalankan di GSM.

Penyelidikan berbentuk falsafah seperti program se-

dia ada dan ditawarkan hampir di semua universiti.

Pelajar perlu lulus dua kursus wajib (kaedah penyelidikan dan analisis data) sebelum dikehendaki lulus dalam cadangan penyelidikan dan kemudian membuat penyelidikan, menulis dan ujian oral.

Bagi program kedoktoran kedua iaitu membuat penyelidikan gunaan. Di sini, penyelesaian atas masalah yang sedang dihadapi syarikat di mana pelajar itu sedang bekerja.

Ia hampir sama dengan program PhD industri yang dijalankan di beberapa universiti tempatan.

Bezanya, program di GSM memerlukan pelajar kedoktoran berkenaan menyelesaikan masalah dalam bentuk kes bagi setiap semester.